KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	6/11/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	17			

Kosmo
06.11.2021_17

Program pemulihan meliputi pembangunan sosio ekonomi Orang Asli

RM6.45 juta baik pulih Tasik Chini

Oleh KHAIRULMIZAN YAHYA

PEKAN – Sebanyak RM6.45 juta digunakan bagi melaksanakan program pemulihan Tasik Chini merangkumi empat komponen utama yang telah dimulakan sejak empat tahun lalu.

Timbalan Pengarah Pembangunan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Samsu Anuar Nawi berkata, komponen pertama membabitkan program penghijauan kawasan terosot seluas lebih 200 hektar yang menelan belanja kira-kira RM3.96 juta.

"Projek berkenaan membabitkan aktiviti menanam semula pelbagai spesies pokok hutan termasuk pokok penutup bumi di kawasan lapang dan terbuka yang mana usaha berkenaan kini menampakkan kejayaan memuaskan.

"Komponen kedua membabitkan aktiviti pemulihan kawalan hakisan dan mendapan tanah dalam zon penampan Tasik Chini sepanjang lebih 1.75 kilometer dengan perbelanjaan sebanyak RM2.5 juta," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sesi lawatan kerja Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Datuk Zahari Ibrahim ke kawasan pemulihan Tasik Chini di sini semalam.



ZAHARI (dua dari kiri) dan Samsu Anuar melawat projek tanaman semula bagi mencegah hakisan di Tasik Chini.

Tambahnya, komponen ketiga membabitkan pembangunan sosio ekonomi masyarakat Orang Asli yang meretap di kawasan Tasik Chini agar mereka tidak dipinggirkan.

Menurut Samsu Anuar komponen terakhir ialah dengan mengadakan kempen kesedaran pemeliharaan hutan di kawasan ceroboh di Tasik Chini secara berterusan dalam usaha memulihkan kawasan berkenaan yang menjadi antara produk pelancongan terkenal negeri ini.

Beliau memberitahu, sebelum ini usaha memulihkan kawasan Tasik Chini dilakukan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang antaranya menanam pokok buluh dan teratai dalam Tasik Chini bagi mengekalkan kelembaban tasik semula jadi itu.

Sementara itu, Penolong Pengarah Silvikultur (Zon Pahang Timur I) JPNP, Nurfazliza Kamarulbahrin berkata, program menanam pokok hutan spesies merawan siput jantan, meranti temak nipis dan batai serta penutup bumi kini dilakukan secara berterusan dalam memastikan projek berkenaan selesai dalam masa ditetapkan.

"Kerja pembinaan kawalan hakisan dan mendapan tanah dalam zon penampan Tasik Chini sepanjang lebih 1.75 kilometer kini turut giat dilakukan. Pokok penutup bumi yang ditanam bagi tujuan mengawal kejadian hakisan serta aliran air secara berlebihan telah terbukti berjaya," ujarnya.